

03 JUL 2002

Mahathir-Jawatan

UMUM SECARA TERBUKA UNTUK ELAK PENOLAKAN RAKYAT -- KATA PM

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau mengumumkan secara terbuka keputusan melepaskan jawatan dalam kerajaan dan Umno bagi mengelak daripada timbulnya desakan yang mahukan beliau terus menerajui negara dan parti.

Katanya beberapa pemimpin yang pernah diberitahu mengenai hasratnya untuk berhenti, telah meminta supaya beliau terus memegang jawatan berkenaan.

"Saya sudah bercakap dengan beberapa pemimpin dan kawan-kawan saya tentang hasrat saya untuk berhenti, bahkan saya bercakap dengan Khalil (Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Pak Lah (Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) tetapi semua yang saya bertemu, semuanya hendak saya teruskan seboleh-bolehnya sehingga akhir hayat.

"Saya berpendapat kalau saya tak buat kenyataan secara terbuka, mungkin desakan-desakan itu tak dapat ditepis oleh saya, sebab itu saya buat keputusan untuk buat kenyataan selepas mesyuarat agung (Perhimpunan Agung Umno)," katanya pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang pagi ini sekembalinya dari percutian di sekitar kepulauan Mediterranean.

Beliau telah ditanya kenapa pada penghujung ucapan penggulungan beliau pada akhir Perhimpunan Agung Umno pada 22 Jun lepas, beliau secara mengejut membuat pengumuman mengenai persaraannya.

Dr Mahathir berkata beliau sebenarnya tidak dapat menghabiskan sebahagian lagi pengumumannya setelah para pemimpin dan anggota perwakilan, yang terperanjat dengan pengumuman itu, meminta beliau membatalkan hasratnya.

Beliau juga berkata, ketika membuat pengumuman mengundur diri itu beliau mahu memberitahu perwakilan mengenai hasratnya melepaskan semua jawatan dalam Umno dan Barisan Nasional tetapi terus kekal sebagai anggota Parlimen kawasan Kubang Pasu.

Beliau juga mahu meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan jawatan lain dalam kerajaan.

"Tetapi saya kena terus bekerja dalam Umno untuk mengukuhkan Umno. Itulah kenyataan yang saya cadang untuk buat tetapi saya tidak dapat buat," katanya.

Dalam pengumuman itu juga, kata Dr Mahathir, beliau berhasrat mahu menamakan Abdullah sebagai penggantinya pada ketika itu juga kerana berdasarkan tradisi parti Timbalan Presiden akan menggantikan Presiden dan sebagai parti majoriti Timbalan Presiden juga akan dilantik sebagai Perdana Menteri.

Apabila ditanya kenapa beliau mahu meletakkan jawatan sedangkan kepimpinannya masih diperlukan, Dr Mahathir berkata beliau telah berkhidmat selama 21 tahun -- satu jangka masa yang panjang bagi seorang Perdana Menteri.

Katanya, beliau pernah berhasrat meletakkan jawatan pada 1998 tetapi menangguhkannya disebabkan keadaan ketika itu termasuk kegawatan ekonomi.

"Saya telah berusaha sedaya upaya untuk memulih semula parti dan saya berpendapat parti sudah dipulih dan sokongan kepada parti sudah kuat semula, jadi saya taklah lari daripada tanggungjawab saya.

"Kalau saya pergi terlalu awal pada waktu parti menghadapi masalah, lemah seperti keadaan pada tahun 1999, itu nampak seolah-olah saya lari daripada tanggungjawab saya, sebab itu saya tunggu sekejap.

"Jadi saya berharap saya dapat tinggalkan parti secara licin, tak ada masalah dan saya beri pengakuan bahawa saya akan turut bekerjasama dalam parti," katanya.

Dr Mahathir berkata pada peringkat awal beliau berhasrat menjadi Perdana Menteri untuk tempoh enam atau tujuh tahun sahaja seperti Perdana Menteri ketiga Tun Hussein Onn.

"Tetapi oleh kerana sokongan dan kerja yang banyak yang perlu dibuat, saya teruskan, tetapi satu hari saya mesti letak dan saya fikir rakyat faham. Saya bersyukur kerana rakyat tidak buat sesuatu yang tidak baik kerana peletakan jawatan saya, dan sokongan mereka mengharukan saya," katanya.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan beliau akan bertanding semula pada pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata: "Perkara itu akan kita fikirkan bila tiba masanya."

Apabila ditanya sama beliau akan meninggalkan sama-sekali pentas politik apabila beliau bersara nanti atau akan memegang sesuatu jawatan sebagaimana di Singapura sebagai Menteri Kanan, beliau berkata: "Saya sudah menyatakan dengan amat jelas bahawa saya melepas jawatan itu nanti, saya akan lepaskannya sama-sekali.

"Saya tidak mengharapkan untuk memegang apa-apa jawatan sama ada dalam parti atau dalam kerajaan. Tetapi menjadi tanggungjawab saya untuk menyokong parti dan kerajaan, walau apa pun yang mungkin saya fikirkan tentang dasar-dasar kerajaan, itu tidak penting," katanya.

Ketika ditanya mengapa beliau menangis ketika mengumumkan keputusan untuk meletak jawatan pada perhimpunan agung UMNO itu, Dr Mahathir berkata: "Perpisahan selalunya sesuatu yang menyedihkan."

"Setelah bersama-sama parti selama 21 tahun sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti, dan setelah membabitkan diri selama tiga suku daripada usia saya dengan parti, sememangnya agak menyedihkan saya terpaksa membuat keputusan ini.

"Lagi pun bila dah tua ni, kita jadi lebih beremosi sikit."

-- BERNAMA

RZS HS NMO